

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

Bil. S 34

**AKTA PERLINDUNGAN BAGI PEREMPUAN-PEREMPUAN  
DAN GADIS-GADIS  
(PENGGAL 120)**

**Aturan-Aturan Perlindungan Bagi Perempuan-Perempuan  
dan Gadis-Gadis (Tempat Keselamatan), 2001**

**SUSUNAN ATURAN-ATURAN**

**Aturan-Aturan**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Pentadbiran.

**BAHAGIAN II**

**TEMPAT TINGGAL**

4. Tempat tinggal.
5. Tempat tinggal pada waktu malam.
6. Tempat untuk perempuan dan gadis yang sakit.

**BAHAGIAN III**

**KEMASUKAN, PEMBEBASAN DAN PEMINDAHAN**

7. Kemasukan dan pemeriksaan perempuan dan gadis.
8. Harta perempuan dan gadis.
9. Butir-butir mengenai perempuan dan gadis.
10. Pemeriksaan kesihatan apabila masuk.

11. Mandi apabila diterima.
12. Penyakit apabila masuk.
13. Memberitahu aturan-aturan.
14. Pemeriksaan kesihatan sebelum dipindah atau dibebaskan.
15. Bersendirian tanpa gangguan semasa dipindah.
16. Jagaan di luar tempat keselamatan.
17. Anak-anak.

#### **BAHAGIAN IV**

##### **BARANG-BARANG LARANGAN**

18. Pemilikan.
19. Membawa barang-barang larangan.
20. Pemeriksaan semasa memasuki atau meninggalkan.
21. Minuman keras.
22. Tembakau.

#### **BAHAGIAN V**

##### **PAKAIAN DAN PERALATAN TEMPAT TIDUR**

23. Kelengkapan pakaian.
24. Sukatan peralatan tempat tidur.
25. Berlebihan adalah dilarang.

#### **BAHAGIAN VI**

##### **MAKANAN**

26. Makanan biasa.
27. Makanan tambahan.

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

28. Aduan mengenai makanan.

**BAHAGIAN VII**

**KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

29. Mandi dan menggunting rambut.

30. Menggunting rambut.

31. Kebersihan am.

32. Senaman.

**BAHAGIAN VIII**

**KERJA**

33. Kerja.

34. Hari kelepasan.

**BAHAGIAN IX**

**ACARA KEUGAMAAN**

35. Acara keugamaan.

36. Buku-buku ugama.

**BAHAGIAN X**

**PENDIDIKAN**

37. Kelas-kelas.

38. Buku-buku perpustakaan.

**BAHAGIAN XI**

**LAWATAN DAN PERHUBUNGAN**

39. Surat dan pelawat.

40. Kebenaran pulang ke rumah.
41. Lawatan oleh penasihat undang-undang.
42. Lawatan oleh pegawai polis.
43. Surat.

## **BAHAGIAN XII**

### **KESALAHAN TERHADAP TATATERTIB**

44. Laporan mengenai perempuan atau gadis.
45. Perempuan atau gadis boleh diasingkan.
46. Perempuan atau gadis hendaklah diberitahu tentang kesalahan yang diperkatakan.
47. Kesalahan-kesalahan.
48. Hukuman oleh Warden.
49. Kuasa-kuasa Jawatankuasa Pembebasan dan Penguin.
50. Pemberian maaf atau pengurangan.

## **BAHAGIAN XIII**

### **PERMINTAAN OLEH PEREMPUAN-PEREMPUAN DAN GADIS-GADIS**

51. Permintaan untuk berjumpa dengan Penguin, Warden atau ahli Jawatankuasa Pembebasan.

## **BAHAGIAN XIV**

### **PENJENISAN DAN GRED**

52. Penjenisan perempuan-perempuan dan gadis-gadis.
53. Perempuan-perempuan dan gadis-gadis hendaklah dibahagikan kepada gred-gred.

**BAHAGIAN XV**

**PEMBEBASAN BERSYARAT**

54. Pembebasan bersyarat selepas enam bulan.

**BAHAGIAN XVI**

**KAKITANGAN**

55. Pegawai hendaklah patuh kepada aturan-aturan.
56. Tidaklah boleh tidak hadir tanpa kebenaran.
57. Kesihatan perempuan atau gadis hendaklah dibawa ke pengetahuan Warden.
58. Pegawai yang memperlakukan perempuan dan gadis.
59. Pegawai tidaklah boleh bertindak bagi pihak perempuan dan gadis.
60. Pegawai tidaklah boleh menerima bayaran.
61. Perhubungan dengan bekas penghuni.
62. Pegawai-pegawai dan kakitangan hendaklah patuh untuk diperiksa.
63. Pegawai-pegawai tidaklah boleh berhubung dengan akhbar.
64. Elaun pakaian.
65. Elaun mengajar.

**BAHAGIAN XVII**

**WARDEN**

66. Tanggungjawab Warden.
67. Kewajipan-kewajipan am.
68. Kuasa untuk menggantung kerja.
69. Warden hendaklah melaksanakan sokongan Pegawai Perubatan.

70. Warden hendaklah memberitahu saudara-mara perempuan atau gadis yang sakit teruk.
71. Warden hendaklah melaporkan kejadian gila.
72. Warden hendaklah memelihara tempat keselamatan dalam keadaan sempurna.
73. Warden hendaklah memberitahu Koroner dll. mengenai kematian perempuan atau gadis.
74. Inkues ke atas perempuan atau gadis.
75. Lantikan pegawai semasa ketiadaan Warden.
76. Pelawat-pelawat ke tempat keselamatan.
77. Pelawat dikeluarkan kerana salah laku.
78. Langkah-langkah mencegah kebakaran.

#### **BAHAGIAN XVIII**

##### **PEGAWAI PERUBATAN**

79. Kewajipan-kewajipan am.
80. Laporan oleh Pegawai Perubatan.
81. Lawatan oleh Pegawai Perubatan.
82. Pemeriksaan suku tahunan.
83. Pemeriksaan makanan.
84. Laporan mengenai bahaya kepada kesihatan perempuan atau gadis.
85. Kesihatan otak perempuan atau gadis.
86. Penyakit menular.

#### **BAHAGIAN XIX**

##### **PENOLONG WARDEN**

87. Lantikan pegawai yang sesuai.

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

88. Penolong Warden.
89. Kewajipan-kewajipan Penolong Warden.
90. Penolong Warden hendaklah pegawai tempat keselamatan.

**BAHAGIAN XX**

**JAWATANKUASA PEMBEBASAN**

91. Lantikan, kewajipan-kewajipan dan kuasa Jawatankuasa Pembebasan.

**AKTA PERLINDUNGAN BAGI PEREMPUAN-PEREMPUAN  
DAN GADIS-GADIS  
(PENGGAL 120)**

**ATURAN-ATURAN PERLINDUNGAN BAGI PEREMPUAN-PEREMPUAN  
DAN GADIS-GADIS (TEMPAT KESELAMATAN), 2001**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 25 dari Akta Perlindungan bagi Perempuan-Perempuan dan Gadis-Gadis, maka Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran.**

1. Aturan-aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Perlindungan bagi Perempuan-Perempuan dan Gadis-Gadis (Tempat Keselamatan), 2001.

**Tafsiran.**

2. Dalam Aturan-Aturan ini melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Gred Hukuman" bermakna gred yang paling bawah dalam sistem penggredan bagi perempuan-perempuan dan gadis-gadis di tempat keselamatan;

"Jawatankuasa Pembebasan" bermakna kumpulan orang yang dilantik oleh Menteri di bawah bab 24;

"kakitangan" bermakna mana-mana pegawai yang bekerja di, atau memegang jawatan yang berkaitan dengan, suatu tempat keselamatan;

"Pegawai Perubatan" bermakna orang yang dilantik oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan sebagai Pegawai Perubatan mana-mana tempat keselamatan;

"Penguasa" bermakna pegawai yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Penguasa mana-mana tempat keselamatan;

"Warden" bermakna pegawai perempuan yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Warden suatu tempat keselamatan.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

### **Pentadbiran.**

3. (1) Suatu tempat keselamatan hendaklah di bawah jagaan dan pentadbiran am seseorang Warden, yang tertakluk kepada dan mematuhi arahan-arahan sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh Pengusa.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik bagi suatu tempat keselamatan seseorang Warden, Penolong-Penolong Warden Perempuan dan kakitangan perempuan lain sebagaimana yang mungkin perlu.

## **BAHAGIAN II**

### **TEMPAT TINGGAL**

#### **Tempat tinggal.**

4. (1) Sesebuah bilik atau ruang tidur tidaklah boleh digunakan untuk mengurung perempuan-perempuan dan gadis-gadis, melainkan jika diperakui oleh Pengusa, atas nasihat seseorang Pegawai Perubatan, bilik atau ruang tidur itu hendaklah mendapat cahaya, udara dan dilengkapi dengan sedemikian rupa, dan hendaklah mempunyai keluasan sebagaimana yang mungkin dikehendaki untuk kesihatan.

(2) Surat akuan itu hendaklah menentukan bilangan maksimum perempuan-perempuan atau gadis-gadis yang akan ditempatkan pada satu-satu masa dalam bilik atau ruang tidur tersebut. Dalam hal keadaan yang khas, dengan kebenaran Pengusa, perempuan-perempuan dan gadis-gadis boleh ditempatkan dalam khemah.

#### **Tempat tinggal pada waktu malam.**

5. Perempuan-perempuan dan gadis-gadis boleh ditempatkan pada waktu malam dalam bilik atau ruang tidur seramai kurang daripada tiga orang perempuan atau gadis dalam setiap bilik atau ruang tidur. Setiap perempuan atau gadis hendaklah diberikan katil yang berasingan.

#### **Tempat untuk perempuan dan gadis yang sakit.**

6. Tempat yang mencukupi bagi penerimaan, tempat tinggal dan rawatan bagi perempuan-perempuan dan gadis-gadis yang sakit hendaklah disediakan. Ia hendaklah dikunci, kunci-kunci itu hendaklah berada di bawah kawalan khas pegawai-pegawai tempat keselamatan itu.

### **BAHAGIAN III**

#### **KEMASUKAN, PEMBEBASAN DAN PEMINDAHAN**

##### **Kemasukan dan pemeriksaan perempuan dan gadis.**

7. (1) Penguasa hendaklah, setelah menerima suatu perintah tahanan, membuat semua penyusunan yang perlu bagi membawa perempuan atau gadis yang dinamakan dalam perintah tersebut ke tempat keselamatan itu.

(2) Perempuan dan gadis itu hendaklah diperiksa apabila masuk dan pada masa-masa berikutnya sebagaimana yang mungkin diarahkan, dan semua barang yang tidak dibenarkan hendaklah diambil daripadanya.

(3) Pemeriksaan seseorang perempuan atau gadis hendaklah dijalankan dengan cara yang wajar supaya selaras dengan keperluan untuk mendapatkan sebarang benda yang tersembunyi yang boleh membahayakan dirinya atau mana-mana orang lain.

(4) Tiada perempuan atau gadis boleh diperiksa di bawah aturan ini kecuali oleh seseorang perempuan.

##### **Harta perempuan dan gadis.**

8. Semua wang, pakaian, dokumen atau barang lain kepunyaan seseorang perempuan atau gadis yang dia tidak dibenarkan untuk menyimpannya hendaklah disimpan dalam jagaan Warden, yang akan menyimpan suatu inventori mengenainya, yang akan ditandatangani oleh perempuan atau gadis itu.

##### **Butir-butir mengenai perempuan dan gadis.**

9. Apabila masuk, dan dari masa ke semasa sebagaimana yang mungkin dikehendaki, seseorang perempuan atau gadis hendaklah digambar dan nama, umur, tinggi, berat badan, tanda-tanda pengenalan dan ukuran dan butir-butir lainnya hendaklah direkodkan dengan cara sebagaimana yang mungkin diarahkan.

##### **Pemeriksaan kesihatan apabila masuk.**

10. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah, pada hari dia diterima atau dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, diperiksa oleh Pegawai Perubatan.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

### **Mandi apabila diterima.**

11. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah diberi mandi pada hari dia diterima, melainkan jika Warden atau Pegawai Perubatan mengarahkan sebaliknya.

### **Penyakit apabila masuk.**

12. Jika seseorang perempuan atau gadis didapati mempunyai sebarang penyakit berjangkit atau menular atau dalam keadaan berkutu, maka langkah-langkah hendaklah diambil dengan serta-merta untuk merawat keadaannya itu dan mencegahnya dari merebak kepada perempuan-perempuan dan gadis-gadis yang lain.

### **Memberitahu aturan-aturan.**

13. Warden hendaklah berjumpa dengan seseorang perempuan atau gadis semasa penerimaannya dan menerangkan kepadanya aturan-aturan tempat keselamatan itu.

### **Pemeriksaan kesihatan sebelum dipindah atau dibebaskan.**

14. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah diperiksa oleh Pegawai Perubatan sebelum dibebaskan atau dipindah ke tempat keselamatan yang lain. Tiada perempuan atau gadis boleh dipindah ke mana-mana tempat keselamatan yang lain melainkan jika Pegawai Perubatan memperakui bahawa dia sihat untuk dipindah. Tiada perempuan atau gadis yang menghidap sebarang penyakit tenat atau teruk boleh dibebaskan dari tempat keselamatan itu melainkan jika Pegawai Perubatan memikirkannya selamat untuk berbuat demikian atau perempuan atau gadis itu enggan tinggal lagi setelah tamat tempoh tahanannya.

### **Bersendirian tanpa gangguan semasa dipindah.**

15. Seseorang perempuan atau gadis tidaklah boleh terlampau terdedah kepada penglihatan orang ramai semasa dia dipindah dari, atau dibawa ke, suatu tempat keselamatan.

### **Jagaan di luar tempat keselamatan.**

16. Seseorang perempuan atau gadis, yang dikehendaki untuk dikemukakan di suatu tempat tertentu dengan suatu perintah, hendaklah dianggap sebagai dalam jagaan yang sah pegawai-pegawai yang diarahkan untuk menghantarnya ke tempat itu.

**Anak-anak.**

17. Tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengguna, seseorang anak damit dan anak perempuan yang berumur lapan belas tahun ke bawah boleh diterima masuk ke tempat keselamatan bersama-sama dengan ibunya, dan boleh dibekalkan dengan pakaian dan keperluan atas perbelanjaan Kerajaan.

**BAHAGIAN IV**  
**BARANG-BARANG LARANGAN**

**Pemilikan.**

18. Tiada perempuan atau gadis boleh memiliki apa-apa barang larangan yang mungkin ditentukan oleh Pengguna. Mana-mana barang seperti itu yang mungkin didapati dalam milikannya hendaklah dirampas oleh Warden.

**Membawa barang-barang larangan.**

19. Tiada sesiapa pun boleh, tanpa kebenaran, membawa atau membuang ke dalam, atau menyimpan di dalam, suatu tempat keselamatan, atau membawa atau membuang dari suatu tempat keselamatan, atau memberi kepada mana-mana perempuan dan gadis suatu tempat keselamatan, atau menyimpan dengan tujuan supaya ia menjadi milik mana-mana perempuan atau gadis, apa-apa barang larangan. Apa-apa jua yang dibawa, disimpan atau dibuang tanpa kebenaran boleh dirampas oleh Warden.

**Pemeriksaan semasa memasuki atau meninggalkan.**

20. Mana-mana orang atau kenderaan yang memasuki atau meninggalkan suatu tempat keselamatan boleh diperiksa dan digeledah. Mana-mana orang yang disyaki membawa apa-apa barang larangan ke dalam tempat keselamatan itu, atau membawa keluar apa-apa barang larangan atau sebarang harta kepunyaan tempat keselamatan itu, hendaklah ditahan dan Warden hendaklah diberitahu dengan serta-merta mengenainya.

**Minuman keras.**

21. Tiada perempuan atau gadis boleh diberi atau dibenarkan meminum sebarang minuman yang memabukkan.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

### **Tembakau.**

22. Tiada perempuan atau gadis boleh dibenarkan merokok atau ada dalam milikannya sebarang tembakau, kecuali menurut perintah sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Warden.

## **BAHAGIAN V**

### **PAKAIAN DAN PERALATAN TEMPAT TIDUR**

#### **Kelengkapan pakaian.**

23. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah diberi kelengkapan pakaian yang mencukupi untuk memanaskan dan kesihatan menurut sukatan yang dibenarkan oleh Penguasa. Dengan syarat, walau bagaimanapun, pakaian lain boleh dipakai dalam hal keadaan khas dengan kebenaran Warden atau jika disyorkan oleh Pegawai Perubatan.

#### **Sukatan peralatan tempat tidur.**

24. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah dibekalkan dengan peralatan tempat tidur yang mencukupi untuk memanaskan dan kesihatan menurut sukatan yang dibenarkan oleh Penguasa. Peralatan tempat tidur tambahan boleh dibenarkan dalam hal keadaan khas jika disyorkan oleh Pegawai Perubatan.

#### **Berlebihan adalah dilarang.**

25. Tertakluk kepada aturan-aturan 23 dan 24, tiada perempuan atau gadis boleh, tanpa kebenaran Warden, menerima atau ada dalam milikannya sebarang pakaian atau peralatan tempat tidur melebihi dari jumlah yang dibenarkan.

## **BAHAGIAN VI**

### **MAKANAN**

#### **Makanan biasa.**

26. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah dibekalkan dengan makanan menurut sukatan mutu makanan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pegawai Perubatan.

**Makanan tambahan.**

27. Seseorang perempuan atau gadis tidaklah boleh menerima atau ada dalam milikannya sebarang makanan melebihi dari sukanan mutu makanan, kecuali —

- (a) dengan kebenaran Pengguna; atau
- (b) dengan kebenaran Pegawai Perubatan, jika perubahan makanan dikehendaki atas alasan perubatan.

**Aduan mengenai makanan.**

28. Seseorang perempuan atau gadis yang mempunyai sebarang aduan untuk dibuat berhubung dengan makanan yang dibekalkan kepadanya mestilah membuat aduan itu dengan seberapa segera yang boleh selepas makanan itu dihidangkan.

## BAHAGIAN VII

### KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

**Mandi dan menggunting rambut.**

29. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah mematuhi arahan sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa diberikan berkenaan dengan mencuci dan mandi.

**Menggunting rambut.**

30. Rambut seseorang perempuan atau gadis tidaklah boleh digunting tanpa persetujuannya, melainkan jika ia berkutu atau kotor atau apabila Pegawai Perubatan menganggapnya perlu atas alasan kesihatan.

**Kebersihan am.**

31. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah menjaga biliknya supaya bersih dan teratur rapi sebagaimana yang mungkin diarahkan.

**Senaman.**

32. Seseorang perempuan atau gadis, melainkan jika dikecualikan oleh Pegawai Perubatan atas alasan perubatan, hendaklah selalu bersenam dengan latihan jasmani sebagaimana yang mungkin diarahkan.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

### **BAHAGIAN VIII**

#### **KERJA**

##### **Kerja.**

33. (1) Seseorang perempuan atau gadis, melainkan jika dikecualikan oleh Pegawai Perubatan atas alasan perubatan, hendaklah melakukan sebarang kerja sebagaimana yang diarahkan di tempat keselamatan itu dan hendaklah diajar, setakat yang boleh, pekerjaan yang berguna yang boleh menolongnya mendapat mata pencarian apabila dia dibebaskan.

(2) Seseorang perempuan atau gadis yang tidak dikecualikan oleh Pegawai Perubatan adalah dikehendaki bekerja sekurang-kurangnya 35 jam seminggu.

(3) Warden suatu tempat keselamatan boleh memperkenalkan suatu skim yang dibenarkan oleh Penguasa yang di bawahnya perempuan-perempuan dan gadis-gadis boleh menerima bayaran bagi kerja yang dibuat.

##### **Hari kelepasan.**

34. Penyusunan hendaklah dibuat untuk mengelakkan semua kerja yang tidak perlu pada satu hari dalam setiap minggu, sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Penguasa, dan pada semua hari kelepasan awam.

### **BAHAGIAN IX**

#### **ACARA KEUGAMAAN**

##### **Acara keugamaan.**

35. Penyusunan yang secukupnya hendaklah dibuat untuk mengadakan acara keugamaan atau pengajaran ugama Islam bagi perempuan-perempuan dan gadis-gadis yang berugama Islam.

##### **Buku-buku ugama.**

36. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah, dari mula dia tinggal di tempat keselamatan itu diberi buku-buku ugama, yang mungkin ada.

## BAHAGIAN X

### PENDIDIKAN

#### Kelas-kelas.

37. Kelas-kelas pendidikan hendaklah diadakan untuk faedah semua perempuan dan gadis.

#### Buku-buku perpustakaan.

38. Sebuah perpustakaan bagi kegunaan perempuan-perempuan dan gadis-gadis hendaklah diadakan di suatu tempat keselamatan. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah dibenarkan mempunyai tidak lebih dari tiga buah buku perpustakaan dalam biliknya pada masa yang sama.

## BAHAGIAN XI

### LAWATAN DAN PERHUBUNGAN

#### Surat dan pelawat.

39. (1) Perhubungan di antara seseorang perempuan atau gadis dengan saudara-maranya hendaklah dibenarkan, tertakluk kepada sekatan-sekatan sebagaimana yang mungkin perlu bagi memelihara tatatertib dan ketenteraman dan bagi kebajikan perempuan atau gadis itu.

(2) Seseorang perempuan atau gadis hendaklah dibenarkan menulis kepada dan menerima daripada penulis-penulis surat yang dibenarkan tidak lebih dari dua pucuk surat sebulan. Seseorang perempuan atau gadis hendaklah dibenarkan menerima lawatan daripada tiga ahli keluarga terdekat selama dua puluh minit pada satu-satu masa dan pada selangan waktu dua kali sebulan.

(3) Warden boleh pada bila-bila masa menyampaikan kepada seseorang perempuan atau gadis, atau kawan-kawannya, sebarang perkara yang penting kepada perempuan atau gadis tersebut.

(4) Tahap pengawasan yang akan dijalankan semasa lawatan hendaklah atas budi bicara Warden.

#### Kebenaran pulang ke rumah.

40. (1) Warden boleh membenarkan seseorang perempuan atau gadis untuk meninggalkan tempat keselamatan itu atas syarat-syarat dan bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Warden. Jika seseorang perempuan

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

atau gadis melanggar syarat-syarat tersebut dia boleh diambil tindakan seolah-olah dia telah dibebaskan dengan bersyarat.

(2) Kebenaran tersebut hendaklah diberikan dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya.

### **Lawatan oleh penasihat undang-undang.**

41. (1) Penasihat undang-undang bagi mana-mana perempuan atau gadis hendaklah dibenarkan untuk berjumpa dengannya untuk merujuk kepada sebarang perkara undang-undang dan hendaklah diawasi oleh seseorang pegawai tempat keselamatan itu.

Bagi maksud aturan ini, "penasihat undang-undang" bermakna peguam atau peguamcara bagi seseorang perempuan atau gadis, atau kerani peguam atau peguamcara tersebut yang diberi kuasa.

### **Lawatan oleh pegawai polis.**

42. Dengan menunjukkan suatu perintah daripada Pesuruhjaya Polis atau seseorang bagi pihaknya, seseorang pegawai polis boleh melawat seseorang perempuan atau gadis di hadapan seseorang pegawai tempat keselamatan itu.

### **Surat.**

43. Surat kepada atau daripada seseorang perempuan atau gadis boleh dibaca oleh Warden atau oleh seseorang pegawai yang bertanggungjawab yang diwakilkannya bagi maksud tersebut, dan adalah atas budi bicara Warden untuk menahan sebarang surat, jika dia menganggap isi kandungan surat itu bertentangan dengan Aturan-Aturan ini.

## **BAHAGIAN XII**

### **KESALAHAN TERHADAP TATATERTIB**

#### **Laporan mengenai perempuan atau gadis.**

44. Suatu laporan mengenai seseorang perempuan atau gadis hendaklah diambil tindakan oleh Warden.

#### **Perempuan atau gadis boleh diasingkan.**

45. Apabila seseorang perempuan atau gadis telah dilaporkan melakukan suatu kesalahan, maka Warden boleh memerintahkan supaya dia diasingkan daripada perempuan-perempuan atau gadis-gadis lain sementara menunggu penyiasatan.

**Perempuan dan gadis hendaklah diberitahu tentang kesalahan yang diperkatakan.**

**46.** Seseorang perempuan atau gadis hendaklah, sebelum suatu laporan mengenainya diambil tindakan, diberitahu tentang kesalahan yang kerananya dia telah dilaporkan dan hendaklah diberi peluang untuk mendengar fakta-fakta yang diperkatakan terhadapnya dan untuk membela dirinya.

**Kesalahan-kesalahan.**

**47.** Seseorang perempuan atau gadis adalah melakukan suatu kesalahan terhadap tatatertib jika dia —

- (a) tidak mematuhi suatu perintah Warden atau mana-mana pegawai lain;
- (b) malas, cuai atau lalai dalam pekerjaan atau enggan bekerja;
- (c) lucah dalam bahasa, perbuatan atau gerak isyarat;
- (d) melarikan diri dari tempat keselamatan itu atau dari jagaan di sisi undang-undang;
- (e) memberontak atau menghasut perempuan-perempuan atau gadis-gadis lain supaya memberontak;
- (f) melakukan keganasan sendiri terhadap mana-mana pegawai, pekerja tempat keselamatan itu atau perempuan-perempuan atau gadis-gadis lain;
- (g) dengan apa juu cara melanggar aturan-aturan ini atau ketenteraman dan tatatertib tempat keselamatan itu;
- (h) cuba melakukan sebarang perkara yang disebutkan di atas.

**Hukuman oleh Warden.**

**48. (1)** Warden hendaklah menyiasat mana-mana perempuan atau gadis yang dikatakan telah melakukan sebarang kesalahan terhadap tatatertib di bawah aturan 47 dan jika Warden berpuas hati bahawa dia telah melakukan kesalahan tersebut, Warden boleh mengenakan ke atasnya satu hukuman atau lebih yang berikut dengan kebenaran Pesuruhjaya —

- (a) diletakkan dalam Gred Hukuman yang disebutkan dalam aturan 53(1);
- (b) dilucutkan dari menikmati sebarang keistimewaan yang berikut selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu bulan —

- (i) bercampur-gaul;
- (ii) berolahraga;
- (c) dilucutkan tingkatan atau gred selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga bulan;
- (d) dikurung dalam biliknya selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga hari.

(2) Suatu kesalahan terhadap tatatertib hendaklah dilaporkan dengan serta-merta kepada Penguasa.

**Kuasa-kuasa Jawatankuasa Pembebasan dan Penguasa.**

49. (1) Jika seseorang perempuan atau gadis dilaporkan kerana sebarang kesalahan yang berikut —

- (a) melarikan diri dari tempat keselamatan itu atau dari jagaan di sisi undang-undang;
- (b) suatu kesalahan berat atau berulang kali terhadap tatatertib yang atasnya hukuman yang dikenakan adalah dianggap oleh Warden sebagai tidak mencukupi;
- (c) suatu kesalahan yang Warden, dengan memberi perhatian kepada hal keadaan perkara itu, memikirkannya perlu bahawa Jawatankuasa Pembebasan patut mengadili,

Warden boleh dengan serta-merta melaporkan kesalahan itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembebasan, yang akan setelah itu mengaturkan sekurang-kurangnya dua orang ahli Jawatankuasa Pembebasan menyiasat mengenai laporan itu.

(2) Jika suatu siasatan dibuat menurut aturan kecil (1) Jawatankuasa Pembebasan boleh mengenakan satu hukuman atau lebih yang berikut —

- (i) sebarang hukuman di bawah aturan 48(1);
- (ii) dilucutkan dari menikmati keistimewaan;
- (iii) hilang tingkatan atau gred.

(3) Jika Jawatankuasa Pembebasan tidak mempunyai korum yang mencukupi, kesalahan-kesalahan di bawah aturan kecil (1) hendaklah dilaporkan kepada Penguasa, dan Penguasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat

mengenai laporan itu dan mengambil tindakan ke atasnya dengan cara yang sama sebagaimana yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pembebasan.

**Pemberian maaf atau pengurangan.**

50. Suatu hukuman tatatertib menurut aturan 48(1) boleh dimaafkan atau dikurangkan oleh Pesuruhjaya atau Pengusa.

### **BAHAGIAN XIII**

#### **PERMINTAAN OLEH PEREMPUAN-PEREMPUAN DAN GADIS-GADIS**

**Permintaan untuk berjumpa dengan Pengusa, Warden atau ahli Jawatankuasa Pembebasan.**

51. (1) Suatu permintaan oleh seseorang perempuan atau gadis untuk berjumpa dengan Pengusa, Warden atau seseorang ahli Jawatankuasa Pembebasan hendaklah dicatatkan oleh pegawai yang kepadanya permintaan itu dibuat dan hendaklah disampaikan, tanpa berlengah-lengah, kepada Warden, yang akan memberitahu Pengusa atau ahli Jawatankuasa Pembebasan, mengikut mana yang berkenaan, mengenai permintaan tersebut.

(2) Warden hendaklah, pada waktu yang sesuai pada tiap-tiap hari, selain dari hari Jumaat, Ahad dan kelepasan awam, berjumpa dengan perempuan atau gadis yang telah meminta untuk berjumpa dengannya.

### **BAHAGIAN XIV**

#### **PENJENISAN DAN GRED**

**Penjenisan perempuan-perempuan dan gadis-gadis.**

52. Pengusa hendaklah memperjeniskan semua perempuan dan gadis dengan memberi perhatian kepada kelakuan mereka serta sejarah kelakuan mereka dahulu dan hal keadaan lain yang berkaitan dan hendaklah mengaturkan supaya setiap perempuan atau gadis menerima ajaran yang sesuai di tempat keselamatan itu.

**Perempuan-perempuan dan gadis-gadis hendaklah dibahagikan kepada gred-gred.**

53. (1) Seseorang perempuan atau gadis boleh diletakkan dalam gred yang dipanggil Gred Hukuman dengan perintah Warden, jika dia berpuas hati bahawa perempuan atau gadis tersebut memberi pengaruh yang buruk, malas atau berkelakuan buruk. Tiada perempuan atau gadis boleh diletakkan dalam Gred Hukuman lebih lama dari yang diperlukan bagi kepentingan dirinya atau orang lain. Semasa berada dalam Gred Hukuman perempuan atau gadis tersebut

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

tidaklah boleh diberi kerja bersama dengan perempuan-perempuan atau gadis-gadis lain.

(2) Seseorang perempuan atau gadis tidaklah boleh dinaikkan gred, kecuali selepas dipertimbangkan dengan sepenuhnya hal keadaan mengenai dirinya oleh Lembaga, yang dipanggil "Lembaga Tempat Keselamatan", yang terdiri daripada pegawai-pegawai sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengusa. Lembaga itu juga boleh memerintahkan penurunan ke gred yang lebih rendah, jika, kerana sesuatu sebab selain dari perbuatan salah laku, mereka menganggapnya mustahak.

### **BAHAGIAN XV**

#### **PEMBEBASAN BERSYARAT**

**Pembebasan bersyarat selepas enam bulan.**

54. (1) Seseorang perempuan atau gadis hendaklah layak untuk dibebaskan secara bersyarat selepas perempuan atau gadis tersebut ditahan selama enam bulan. Jika Lembaga Tempat Keselamatan, setelah menimbangkan tingkahlaku dan kelakuannya berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bahawa dia akan menjalani kehidupan yang berguna dan tekun, mereka hendaklah menghadapkan sokongan kepada Pesuruhjaya.

(2) Pesuruhjaya hendaklah menimbangkan sebarang sokongan yang dibuat kepada dia di bawah aturan ini dan dia boleh, jika difikirkannya patut, menyokong kepada Jawatankuasa Pembebasan supaya perempuan atau gadis itu dibebaskan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan olehnya.

(3) Jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa seseorang perempuan atau gadis yang telah dibebaskan telah melarikan diri daripada pengawasan orang yang menjaganya, atau adalah bersalah kerana benar-benar melanggar dan sengaja melanggar syarat-syarat pembebasan bersyaratnya dan perkara itu tidak boleh diambil tindakan dengan nasihat dan amaran, dia boleh membatalkan pembebasan bersyarat itu.

(4) Seseorang perempuan atau gadis yang pembebasan bersyaratnya telah dibatalkan boleh, apabila dimasukkan semula ke tempat keselamatan itu, diletakkan dalam Gred Hukuman selama jangka masa sebagaimana yang dianggap perlu oleh Warden, dengan memberi perhatian kepada semua hal keadaan perkara itu.

(5) Borang-borang pembebasan bersyarat dan pembatalan pembebasan bersyarat hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengusa.

## BAHAGIAN XVI

### KAKITANGAN

#### **Pegawai hendaklah patuh kepada aturan-aturan.**

55. (1) Seseorang pegawai hendaklah mematuhi aturan-aturan tempat keselamatan itu dan hendaklah membantu Warden dalam pemeliharaannya.

(2) Seseorang pegawai hendaklah menurut arahan yang sah daripada Penguasa.

(3) Seseorang pegawai hendaklah melaporkan kepada Warden mengenai sebarang penyalahgunaan atau ketidaksopanan yang mungkin sampai ke pengetahuannya.

#### **Tidaklah boleh tidak hadir tanpa kebenaran.**

56. Seseorang pegawai tidaklah boleh tidak hadir dari suatu tempat keselamatan tanpa kebenaran Penguasa.

#### **Kesihatan perempuan atau gadis hendaklah dibawa ke pengetahuan Warden.**

57. Seseorang pegawai hendaklah menarik perhatian Warden kepada mana-mana perempuan atau gadis, sama ada dia mengadu atau tidak, yang ternyata tidak sihat atau yang keadaan fikirannya ternyata memerlukan perhatian dan jagaan khas. Warden hendaklah tanpa berlengah-lengah membawa perkara-perkara itu ke pengetahuan Penguasa dan Pegawai Perubatan.

#### **Pegawai yang memperlakukan perempuan dan gadis.**

58. (1) Seseorang pegawai, apabila memperlakukan seseorang perempuan atau gadis, hendaklah hanya menggunakan kekerasan yang munasabah sebagaimana yang perlu.

(2) Tiada pegawai boleh sengaja bertindak dengan cara yang bermaksud untuk membangkitkan kemarahan seseorang perempuan atau gadis.

(3) Tiada pegawai boleh membincangkan kewajipan-kewajipannya atau sebarang perkara mengenai tatatertib atau penyusunan suatu tempat keselamatan dekat seseorang perempuan atau gadis.

(4) Tiada pegawai boleh memperlakukan seseorang perempuan atau gadis bagi maksud yang tidak senonoh.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Pegawai tidaklah boleh bertindak bagi pihak perempuan atau gadis.**

59. (1) Tiada pegawai boleh, tanpa kebenaran Penguasa, menjalankan sebarang urusan kewangan atau perniagaan dengan, atau bagi pihak, seseorang perempuan atau gadis.

(2) Tiada pegawai boleh, tanpa kebenaran Warden, membawa masuk atau membawa keluar, atau cuba membawa masuk atau membawa keluar, atau dengan mengetahui membenarkan untuk dibawa masuk atau dibawa keluar, kepada atau daripada seseorang perempuan atau gadis apa jua barang pun.

**Pegawai tidaklah boleh menerima bayaran.**

60. Tiada pegawai boleh menerima sebarang bayaran, ganjaran atau balasan lain berhubung dengan kemasukan mana-mana pelawat.

**Perhubungan dengan bekas penghuni.**

61. Tiada pegawai boleh berhubung dengan bekas penghuni suatu tempat keselamatan atau dengan kawan-kawan atau saudara-mara seseorang bekas penghuni, kecuali dengan pengetahuan Warden.

**Pegawai-pegawai dan kakitangan hendaklah patuh untuk diperiksa.**

62. Mana-mana pegawai atau kakitangan suatu tempat keselamatan hendaklah patuh untuk diperiksa jika diminta untuk berbuat demikian oleh Warden.

**Pegawai-pegawai tidaklah boleh berhubung dengan akhbar.**

63. (1) Tiada pegawai boleh membuat sebarang perhubungan tanpa kebenaran kepada mana-mana wakil akhbar mengenai perkara-perkara yang telah sampai ke pengetahuannya semasa menjalankan kewajipan-kewajipan rasminya.

(2) Tiada pegawai boleh, tanpa kebenaran Pesuruhjaya, menyiaran sebarang perkara, atau membuat sebarang pengumuman awam berhubung dengan suatu tempat keselamatan atau seseorang perempuan atau gadis.

**Elaun pakaian.**

64. Seseorang pegawai yang dikehendaki memakai pakaian preman sebagai sebahagian dari kewajipan-kewajipannya hendaklah dibayar elau pakaian pada kadar tiga puluh ringgit sebulan.

**Elaun mengajar.**

65. Suatu elauan bagi guru-guru sambilan hendaklah dibayar menurut kadar-kadar yang dibayar oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan atau Kementerian Hal Ehwal Ugama, mengikut mana yang berkenaan.

**BAHAGIAN XVII**

**WARDEN**

**Tanggungjawab Warden.**

66. (1) Warden hendaklah bertanggungjawab bagi memelihara tata tertib di tempat keselamatan.

(2) Warden hendaklah juga bertanggungjawab terhadap semua harta di suatu tempat keselamatan dan hendaklah menyimpan catatan-catatan yang berikut —

- (a) suatu inventori perabot dan perkakas;
- (b) suatu buku peringatan harian di mana semua kejadian penting di dalam tempat keselamatan itu mestilah direkodkan;
- (c) suatu catatan pada nama sahaja setiap perempuan atau gadis yang menunjukkan tarikh dan tempoh tinggalnya, nama dan alamat ibubapanya, jika diketahui, sebarang tanda pengenalan, bentuk rupa, bangsa, bahasa, kerakyatan, umur pada zahirnya, kesihatan, tinggi dan beratnya;
- (d) Suatu catatan mengenai kelakuan dan kesihatan seseorang perempuan atau gadis semasa berada di tempat keselamatan;
- (e) suatu buku hukuman di mana semua hukuman hendaklah dicatatkan;
- (f) suatu catatan pendapat oleh ahli-ahli Jawatankuasa Pembebasan;
- (g) suatu buku akaun mengenai semua peralatan yang dibeli untuk kegunaan di bengkel-bengkel dan pelupusannya;
- (h) suatu catatan mengenai semua barang yang dibuat di tempat keselamatan, dan semua penjualan barang-barang tersebut, dengan menunjukkan harga bahan yang bersangkutan dengannya.

(3) Semasa ketiadaan Warden, Penolong Warden hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Warden.

(4) Warden dan Penolong Warden tidaklah boleh tidak berada di suatu tempat keselamatan pada waktu yang sama.

(5) Penolong Warden dan kakitangan bawahan tempat keselamatan hendaklah di bawah perintah Warden.

**Kewajipan-kewajipan am.**

67. (1) Warden hendaklah menjalankan sendiri pengawasan yang rapi dan terus-menerus tempat keselamatan. Dia hendaklah melawat dan memeriksa setiap hari semua bahagian tempat keselamatan atau seseorang perempuan atau gadis yang ditahan di hospital.

(2) Warden hendaklah, dari masa ke semasa, melawat tempat keselamatan pada waktu malam. Lawatan-lawatan seperti itu hendaklah dibuat pada selangan waktu yang berlainan dan pada waktu-waktu yang berlainan dan tidak kurang dari dua kali seminggu.

(3) Warden hendaklah menemuduga seseorang perempuan atau gadis sejurus selepas kemasukannya dan sebelum dia dibebaskan.

**Kuasa untuk menggantung kerja.**

68. Warden, dalam hal salah laku, boleh menggantung kerja mana-mana pegawai dan hendaklah melaporkan butir-butirnya tanpa berlengah-lengah kepada Pesuruhjaya, jika ada, ataupun sebaliknya kepada Penguasa.

**Warden hendaklah melaksanakan sokongan Pegawai Perubatan.**

69. Warden hendaklah, setakat yang boleh, menguatkuasakan sebarang sokongan bertulis yang dibuat oleh Pegawai Perubatan bagi perubahan tata tertib atau rawatan mana-mana perempuan atau gadis.

**Warden hendaklah memberitahu saudara-mara perempuan atau gadis yang sakit teruk.**

70. Apabila seseorang perempuan atau gadis, pada pendapat Pegawai Perubatan, sakit teruk, maka Warden hendaklah apabila dapat dilaksanakan memberitahu saudara-mara terdekat perempuan atau gadis itu.

**Warden hendaklah melaporkan kejadian gila.**

71. Warden hendaklah, tanpa berlengah-lengah, melaporkan kepada Penguasa sebarang kejadian gila atau gila pada zahirnya yang berlaku di kalangan perempuan-perempuan dan gadis-gadis atau sebarang kejadian di mana Pegawai

Perubatan telah menghadapkan suatu laporan di bawah aturan 83 atau 84(2), (3) atau (4).

**Warden hendaklah memelihara tempat keselamatan dalam keadaan sempurna.**

72. Warden hendaklah memberi perhatian kepada pengudaraan, keadaan saliran dan kebersihan tempat keselamatan, dan mengambil langkah-langkah sebagaimana yang mungkin perlu untuk memeliharanya dalam keadaan sempurna.

**Warden hendaklah memberitahu Koroner dll. mengenai kematian perempuan atau gadis.**

73. Apabila seseorang perempuan atau gadis mati, maka Warden hendaklah memberitahu dengan serta-merta mengenainya kepada Koroner, Pesuruhjaya, Penguasa dan, jika dapat dilaksanakan, kepada saudara-mara terdekat simati.

**Inkues ke atas perempuan atau gadis.**

74. (1) Warden hendaklah memberi kepada Koroner nama mana-mana perempuan atau gadis yang boleh memberi keterangan yang berkaitan dalam suatu inkues mengenai kematian seseorang perempuan atau gadis.

(2) Selepas menjalankan sebarang inkues Warden hendaklah melaporkan kepada Penguasa tentang keputusan inkues itu dan hal keadaan lain yang mustahak yang mungkin berbangkit pada masa inkues itu dijalankan.

**Lantikan pegawai semasa ketiadaan Warden.**

75. Penguasa boleh melantik mana-mana pegawai untuk melaksanakan, semasa ketiadaan Warden dan Penolong Warden, semua atau mana-mana kewajipan yang dikehendaki untuk dilaksanakan oleh Warden.

**Pelawat-pelawat ke tempat keselamatan.**

76. (1) Penguasa dan Warden boleh, pada menjalankan budibicara mereka, membenarkan mana-mana orang untuk melawat tempat keselamatan.

(2) Tiada sesiapa pun yang melawat suatu tempat keselamatan boleh, tanpa kebenaran Warden, mengambil sebarang gambar dan kebenaran ini tidaklah boleh diberikan melainkan jika suatu akujanji diberikan bahawa gambar itu tidak akan disiarkan tanpa kebenaran Penguasa.

**Pelawat dikeluarkan kerana salah laku.**

77. Warden boleh mengeluarkan dari suatu tempat keselamatan mana-mana pelawat yang kelakuannya pada pendapatnya tidak senonoh.

**Langkah-langkah mencegah kebakaran.**

78. Warden hendaklah memastikan supaya langkah-langkah mencegah kebakaran yang betul diambil dan supaya alat pemadam api pada setiap masa disimpan dalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan. Dia hendaklah berhati-hati bahawa arahan-arahan diberikan tentang langkah-langkah yang akan diambil apabila kebakaran berlaku dan bahawa semua pegawai memahami kewajipan-kewajipan mereka jika kejadian itu berlaku.

**BAHAGIAN XVIII**

**PEGAWAI PERUBATAN**

**Kewajipan-kewajipan am.**

79. Pegawai Perubatan hendaklah bertanggungjawab bagi jagaan am ke atas kesihatan perempuan-perempuan dan gadis-gadis.

**Laporan oleh Pegawai Perubatan.**

80. Pegawai Perubatan hendaklah melaporkan kepada Penguasa, melalui Warden, sebarang hal keadaan yang bersangkutan dengan tempat keselamatan atau rawatan perempuan-perempuan dan gadis-gadis, yang, pada bila-bila masa, pada fikirannya berkehendakkan pertimbangan atas alasan perubatan.

**Lawatan oleh Pegawai Perubatan.**

81. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan lain aturan ini, Pegawai Perubatan hendaklah, apabila dapat dilaksanakan, melawat tempat keselamatan setiap hari dan pada waktu-waktu sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan.

(2) Pegawai Perubatan hendaklah memeriksa seseorang perempuan atau gadis dengan seberapa segara yang boleh selepas dia dimasukkan dan sebelum dibebaskan. Pada tiap-tiap pemeriksaan itu Pegawai Perubatan hendaklah mencatatkan kesihatan perempuan atau gadis itu dan butir-butir sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Penguasa.

(3) Pegawai Perubatan hendaklah berjumpa dengan seseorang perempuan atau gadis yang mengadu dirinya sakit, dan hendaklah melaporkan kepada Warden

secara bertulis berkenaan dengan kesihatannya ataupun sebaliknya untuk melaksanakan kerjanya. Dia hendaklah melawat seseorang perempuan atau gadis yang sakit pada waktu-waktu sebagaimana yang mungkin perlu. Dia hendaklah merawat dengan seberapa cepat yang boleh setelah menerima maklumat tentang mana-mana perempuan atau gadis yang sakit terus itu.

(4) Pegawai Perubatan hendaklah selalu melawat seseorang perempuan atau gadis yang dalam tahanan, dikurung dalam bilik, pemakanannya disekat, dan mana-mana perempuan atau gadis lain yang diberi perhatian khas olehnya.

(5) Pegawai Perubatan hendaklah selalu memeriksa persediaan yang dibuat untuk kebersihan dan pemeliharaan kesihatan dan memeriksa bahawa ia dalam keadaan yang boleh digunakan. Dia hendaklah melaporkan kepada Warden sebarang kerosakan atau kekurangannya.

(6) Pegawai Perubatan hendaklah menyimpan suatu catatan mengenai kematian seseorang perempuan atau gadis, yang termasuk butir-butir yang berikut —

- (a) waktu dan tarikh simati jatuh sakit dan bila penyakit itu mula diberitahu kepada;
- (b) jenis penyakit itu;
- (c) laporan keputusan sebarang pemeriksaan bedah-siasat yang dilakukan dan sebarang ulasan khas yang difikirkannya akan dikehendaki.

#### **Pemeriksaan suku tahunan.**

82. Sekali dalam setiap tiga bulan, Pegawai Perubatan hendaklah memeriksa tiap-tiap bahagian tempat keselamatan, bagi maksud untuk memastikan bahawa tidak ada apa-apa terdapat di sana yang mungkin menjelaskan kesihatan perempuan-perempuan dan gadis-gadis, dan bahawa pengudaraan diadakan secukupnya dan dipelihara dengan sempurna. Hasil dari pemeriksaan ini hendaklah dilaporkan kepada Penguasa.

#### **Pemeriksaan makanan.**

83. Pegawai Perubatan hendaklah selalu memeriksa makanan yang dimasak dan belum dimasak di suatu tempat keselamatan. Dia hendaklah melaporkan kepada Warden tentang keadaan dan mutu makanan itu, sebarang kekurangan banyaknya atau mutu air, cukupnya pakaian dan peralatan tempat tidur, dan mengenai perkara-perkara lain yang mungkin menjelaskan kesihatan perempuan-perempuan dan gadis-gadis itu.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

### **Laporan mengenai bahaya kepada kesihatan perempuan atau gadis.**

84. (1) Apabila Pegawai Perubatan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kesihatan seseorang perempuan atau gadis mungkin terjejas dengan tata tertib atau layanan di suatu tempat keselamatan, dia hendaklah melaporkan perkara itu secara bertulis, melalui Warden, kepada Pengusa, bersama dengan sokongan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Apabila Pegawai Perubatan berpendapat bahawa nyawa mana-mana perempuan atau gadis akan menjadi merbahaya dengan tata tertib yang berlanjutan, atau bahawa mana-mana perempuan atau gadis yang sakit tidak akan dapat menghabiskan tahanannya, atau sama sekali dan selama-lamanya tidak layak untuk berlatih, maka dia hendaklah melaporkan pendapatnya dan alasannya secara bertulis melalui Warden kepada Pengusa.

(3) Apabila mana-mana perempuan atau gadis pada pendapat Pegawai Perubatan sakit teruk, dia hendaklah memberitahu hal itu kepada Warden.

(4) Pegawai Perubatan hendaklah melaporkan, secara bertulis kepada Warden, hal mengenai mana-mana perempuan atau gadis yang difikirkannya perlu, atas alasan perubatan, untuk diberi perhatian dan hendaklah membuat sokongan sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi perubahan tata tertib atau layanan perempuan atau gadis itu, atau bagi pembekalan kepadanya barang-barang tambahan.

### **Kesihatan otak perempuan atau gadis.**

85. (1) Pegawai Perubatan hendaklah membuat pemerhatian yang teliti ke atas mana-mana perempuan atau gadis yang keadaan otaknya nampaknya menghendaki pemerhatian yang sedemikian itu. Jika perlu, dia hendaklah mengambil langkah-langkah yang mungkin dianggapnya patut dengan tujuan untuk mengasingkan atau memindahkan perempuan atau gadis itu ke suatu tempat selamat yang ditetapkan untuk pemerhatian perempuan-perempuan atau gadis-gadis yang lemah otak, atau dengan tujuan untuk mengesahkan perempuan atau gadis itu di bawah sebarang undang-undang berhubung dengan penyakit gila, lemah otak atau sakit otak.

(2) Pegawai Perubatan hendaklah melaporkan kepada Pengusa, melalui Warden, sebarang hal mengenai seseorang perempuan atau gadis yang kesihatan otaknya nampaknya mungkin menjadi rosak dengan tata tertib atau layanan yang berlanjutan.

### **Penyakit menular.**

86. Pegawai Perubatan hendaklah mengemukakan kepada Warden, secara bertulis suatu sokongan bagi mengasingkan daripada perempuan-perempuan dan gadis-gadis lain, mana-mana perempuan atau gadis yang menghidap, atau disyaki

menghidap, sebarang penyakit berjangkit atau menular, dan hendaklah dengan serta-merta mengambil langkah-langkah untuk merawat penyakit tersebut.

## BAHAGIAN XIX

### PENOLONG WARDEN

**Lantikan pegawai yang sesuai.**

87. Jika suatu tempat keselamatan dibahagikan kepada beberapa buah rumah, Pengguna hendaklah melantik pegawai-pegawai yang sesuai untuk bertanggungjawab bagi pentadbiran setiap rumah itu, tertakluk kepada arahan am Warden.

**Penolong Warden.**

88. Seorang Penolong Warden atau lebih boleh ditempatkan di setiap rumah dan hendaklah tertakluk kepada arahan Warden.

**Kewajipan-kewajipan Penolong Warden.**

89. Penolong Warden hendaklah menumpukan perhatiannya pada meningkatkan dan mengembangkan mental, jasmani dan moral setiap perempuan atau gadis di bawah jagaannya.

**Penolong Warden hendaklah pegawai tempat keselamatan.**

90. Penolong Warden hendaklah seorang pegawai suatu tempat keselamatan dan aturan-aturan pegawai pada amnya hendaklah dikenakan kepadanya.

## BAHAGIAN XX

### JAWATANKUASA PEMBEBASAN

**Lantikan, kewajipan-kewajipan dan kuasa Jawatankuasa Pembebasan.**

91. (1) Menteri hendaklah melantik suatu jawatankuasa yang dipanggil "Jawatankuasa Pembebasan".

(2) Mana-mana ahli Jawatankuasa Pembebasan boleh pada bila-bila masa melawat mana-mana tempat keselamatan dan semasa lawatan tersebut boleh —

(a) memeriksa beberapa halaman, dan kamar atau bahagian lain tempat keselamatan itu;

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

- (b) memeriksa dan menguji mutu dan banyaknya makanan untuk perempuan-perempuan dan gadis-gadis;
- (c) mendengar aduan-aduan, jika ada, daripada perempuan-perempuan dan gadis-gadis dan menyoal mana-mana perempuan atau gadis atau kakitangan tempat keselamatan itu.

(3) Semasa melawat suatu tempat keselamatan, seseorang ahli Jawatankuasa hendaklah —

- (a) menentukan setakat yang boleh, sama ada Aturan-Aturan ini dipatuhi;
- (b) menarik perhatian Warden kepada sebarang ketidaksamaan yang mungkin diperhatikan dalam menjalankan tempat keselamatan itu atau dalam melayan mana-mana perempuan atau gadis;
- (c) menjalankan dan menunaikan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(4) Jawatankuasa hendaklah melantik salah seorang daripada ahli-ahlinya atau lebih, secara bergilir-gilir, untuk melawat suatu tempat keselamatan pada tiap-tiap bulan.

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1422 bersamaan 12 haribulan April, 2001.

PEHIN ORANG KAYA DIGADONG SERI LELA DATO SERI PADUKA  
HAJI AWANG HUSSAIN BIN PEHIN ORANG KAYA DIGADONG  
SERI DIRAJA DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG MOHD. YUSOF  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
Negara Brunei Darussalam.